

Headline	Denda lewat selepas tempoh daftar	Language	MALAY
Date	04. Sep 2008	Page No	34
Media Title	Berita Harian	Article Size	149 cm²
Section	Nasional	Frequency	Daily
Circulation	217920	Color	Full Color
Readership	2083000	AdValue	2645.42



Denda lewat selepas tempoh daftar

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) ingin merujuk surat 'Mahasiswa UPM' yang disiarkan di ruangan ini pada 25 Ogos lalu. Ucapan terima kasih di atas maklumat mengenai aduan pengirim.

Pelajar siswazah dikehendaki mendaftar setiap semester melainkan diberikan kelulusan UPM untuk menangguhkan pengajian. Pendaftaran semester hendaklah dibuat melalui Portal Pelajar yang berasaskan internet mengikut tempoh ditetapkan.

Pelajar boleh mendaftar melalui kemudahan internet dari mana-mana lokasi dalam tempoh 24 jam sepanjang tempoh pendaftaran selama dua minggu iaitu sebelum semester bermula.

Pelajar yang mendaftar selepas tempoh pendaftaran akan dikenakan denda lewat pendaftaran sebanyak RM100. Tempoh dibenarkan untuk pendaftaran lewat ia-lah dalam tempoh dua minggu pertama selepas semester bermula.

Pendaftaran adalah satu proses penting kerana sekiranya pelajar gagal berbuat demikian, ia akan digurukkan dan diberhentikan daripada pengajian. Antara syarat penyempurnaan pendaftaran ia-lah membayar yuran.

Pelajar yang menghadapi masalah kewangan boleh berbincang dengan pihak bendahari untuk membayar yuran berkenaan secara ansuran dengan syarat yuran itu dijelaskan sepenuhnya sebelum akhir semester.

Pelajar juga boleh memo-

hon menangguhkan pengajian sekiranya mempunyai sebarang masalah peribadi termasuk kewangan dalam tempoh ditetapkan. Pelajar yang diberhentikan daripada pengajian atas sebab tidak mendaftar boleh mengemukakan rayuan untuk semakan ke atas pemberhentian.

Sekiranya rayuan pelajar diluluskan, ia akan dikenakan bayaran pengaktifan semula sebanyak RM600. Bayaran ini tidak dikenakan sekiranya rayuan pelajar untuk diaktifkan semula ditolak. Oleh itu, denda lewat bayar yuran seperti yang dikadwa oleh Mahasiswa UPM tidak benar.

Mengenai dakwaan caj untuk memperbaharui kad letak kenderaan (kolej 12, 14, 15 dan 16) membebankan pelajar. Jumlah bayaran kad ini sama untuk satu semester atau dua semester (satu sesi akademik) kerana ia adalah salah satu bentuk penguatkuasaan kemasukan kenderaan pelajar ke kawasan kolej.

Tempoh kad berkenaan adalah untuk setahun. Bagaimanapun jika pelajar memohon pada semester kedua, ia dianggap sebagai permohonan untuk satu sesi akademik dan pelajar perlu memperbaharui kad itu mengikut caj yang ditetapkan.

Peraturan ini dibuat untuk mengawal jumlah kenderaan pelajar yang berleluasa di sekitar kolej sehingga menghalang lajuan kecemasan.

ABDULLAH ARSHAD

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UPM, Selangor.